



30 April 2018
30 April 2018
P.U. (A) 112

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN
(PERTUBUHAN PERBADANAN)
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM)
(NO. 3) 2018

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY)
(NO. 3) ORDER 2018*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN
PERBADANAN) (PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM)
(NO. 3) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) (No. 3) 2018**.

Pemakaian

2. Perintah ini hendaklah terpakai bagi—
 - (a) Kemudahan Pembiayaan Terma Murabahah yang diperoleh atau akan diperoleh oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional berjumlah tiga billion lima ratus juta ringgit (RM3,500,000,000.00); dan
 - (b) jaminan yang diberikan atau akan diberikan oleh Kerajaan Malaysia berhubung dengan Pembiayaan Terma Murabahah.

Tafsiran

3. Dalam Perintah ini—

“jaminan Pembiayaan Terma Murabahah” ertinya jaminan yang disebut dalam subperenggan 2(b);

“Pembiayaan Terma Murabahah” ertinya kemudahan yang disebut dalam subperenggan 2(a).

Peremitan cukai

4. Apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53] oleh mana-mana individu atau entiti yang berikut berkenaan dengan apa-apa wang yang kena dibayar di bawah apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan Pembiayaan Terma Murabahah dan jaminan Pembiayaan Terma Murabahah hendaklah diremitkan sepenuhnya:

- (a) Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional yang baginya Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 terpakai menurut kuasa Perintah Jaminan Pinjaman (Penetapan Pertubuhan Perbadanan) (Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional) 2004 [P.U. (A) 408/2004]; atau
- (b) mana-mana pihak kepada apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan Pembiayaan Terma Murabahah dan jaminan Pembiayaan Terma Murabahah, termasuklah mana-mana pihak yang kepadanya perjanjian, nota, surat cara dan dokumen itu dipindahkan atau diserahkan.

Peremitan duti setem

5. Apa-apa duti setem yang kena dibayar di bawah Akta Setem 1949 [Akta 378] berkenaan dengan apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan Pembiayaan Terma Murabahah dan jaminan Pembiayaan Terma Murabahah hendaklah diremitkan sepenuhnya.

Dibuat 26 April 2018
[KK/SID/(S)/696/1; PN(PU2)232/XIV]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI
Menteri Kewangan Kedua

LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE) ACT 1965

LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY) (NO. 3) ORDER 2018

IN exercise of the powers conferred by subsection 10(1) of the Loans Guarantee (Bodies Corporate) Act 1965 [*Act 96*], the Minister makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Loans Guarantee (Bodies Corporate) (Remission of Tax and Stamp Duty) (No. 3) Order 2018**.

Application

2. This Order shall apply to—
 - (a) the Murabahah Term Financing facility obtained or to be obtained by Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional amounting to three billion five hundred million ringgit (RM3,500,000,000.00); and
 - (b) the guarantee provided or to be provided by the Government of Malaysia in relation to the Murabahah Term Financing.

Interpretation

3. In this Order—

“Murabahah Term Financing guarantee” means the guarantee referred to in subparagraph 2(b);

“Murabahah Term Financing” means the facility referred to in subparagraph 2(a).

Remission of tax

4. Any tax payable under the Income Tax Act 1967 [Act 53] by any of the following individual or entity in respect of any money payable under any agreement, note, instrument and document in relation to the Murabahah Term Financing and the Murabahah Term Financing guarantee shall be remitted in full:

- (a) Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional to which the Loans Guarantee (Bodies Corporate) Act 1965 applies by virtue of the Loans Guarantee (Declaration of Bodies Corporate) (Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional) Order 2004 [P.U. (A) 408/2004]; or
- (b) any party to any agreement, note, instrument and document in relation to the Murabahah Term Financing and the Murabahah Term Financing guarantee, including any party to whom such agreement, note, instrument and document are transferred or assigned.

Remission of stamp duty

5. Any stamp duty payable under the Stamp Act 1949 [Act 378] in respect of any agreement, note, instrument and document in relation to the Murabahah Term Financing and the Murabahah Term Financing guarantee shall be remitted in full.

Made 26 April 2018
[KK/SID/(S)/696/1; PN(PU2)232/XIV]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI
Second Minister of Finance